

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

Antara gaji dan tanggungjawab

TIMBALAN Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah melahirkan apa yang selama ini dirasakan oleh orang ramai, iaitu bahawa kakitangan kerajaan haruslah sentiasa lebih memikirkan tugas mereka daripada gaji. Memang ketidakadilan mungkin berlaku dalam soal gaji, dan Dr. Mahathir sendiri secara tidak langsung turut membayangkannya apabila beliau membandingkan imbuhan yang diterimanya sebagai Timbalan Perdana Menteri dengan pemimpin-pemimpin lain yang sama kedudukan dengannya di negara-negara maju. Tetapi semakin ketidakadilan gaji ini difikirkan, semakin rasa tidak puas hati dan hampa mencengkam diri. Akibatnya tidak suatu pun yang dapat dikerjakan.

Bagi orang ramai, terutama sekali petani, buruh kasar, nelayan, pekebun kecil dan lain-lain rakyat yang tergolong ke dalam takrif miskin, sebenarnya kakitangan kerajaan di negara ini telah menerima nikmat yang lebih dari memuaskan. Selain dari berpendapatan tetap dan lumayan mengikut pandangan mereka itu, kakitangan kerajaan juga mempunyai tempat untuk menuntut dan boleh pula menyokong tuntutan tersebut dengan ancaman tindakan yang beraneka.

Kerana itu rakyat biasa mengharap kakitangan kerajaan dari semua peringkat memberikan khidmat yang sewajarnya kepada mereka. Bila ini kadangkala tidak didapati dan jika didapati tidak pula dengan mudah atau memuaskan, kemarahan yang timbul akibatnya itu mereka lemparkan kepada kerajaan. Timbullah tuduhan-tuduhan bahawa kerajaan tidak berlaku adil, pilih kasih dalam membahagikan rezeki dan kekayaan dan sebagainya. Semuanya ini boleh dibersihkan semula, dan kemajuan negara serta rakyat dapat diperhebat lagi, sekiranya kakitangan mengikut nasihat Timbalan Perdana Menteri itu — harus lebih memikirkan tugas daripada gaji.

Diakui ini tidaklah mudah diamalkan. Dr. Mahathir meletakkan tanggungjawab mengubah semula sikap kakitangan kerajaan itu kepada Jabatan Perkhidmatan Awam yang disifatkannya sebagai nadi pentadbiran negara. Penguatkuasaan disiplin yang bersungguh-sungguh darinya dengan tidak memilih bulu akhirnya akan dapat mewujudkan satu suasana bekerja yang lebih serius.

Suatu bentuk imbuhan yang sesuai boleh menimbulkan dedikasi yang lebih di kalangan kakitangan kerajaan. Sistem kenaikan pangkat sekarang yang kebanyakannya bergantung kepada senioriti dalam perjawatan dan amat sedikit memberi perhatian kepada kesungguhan dan dedikasi bekerja sebenarnya lebih banyak merangsang kehampaan daripada dedikasi. Imbuhan tidak sahaja semestinya berupa wang ringgit tetapi juga penghargaan dan pengiktirafan. Bagaimanapun anak kunci sebenar untuk merangsang dedikasi ini ialah kesedaran dan tekad. Apakah ini sudah disemaikan dengan berkesan kepada setiap kakitangan kerajaan?